

UMP anjur Kejohanan Sulung Petanque Double Remaja Terbuka



Pekan , 21 Mac – Sebanyak 80 pasukan telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Petanque Double Remaja Terbuka UMP 2017 melibatkan Kategori Lelaki dan Kategori Wanita anjuran Pusat Sukan & Kebudayaan (PSK) Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya.

Penyertaan terdiri daripada sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT), kelab sukan dan penggiat sukan petanque tanah air yang berumur di antara 13 hingga 30 tahun. Hadir merasmikan program Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pusat Sukan & Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Hj Safie.

Pertandingan menyaksikan pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam beraksi dengan cemerlang merangkul johan keseluruhan bagi kategori wanita manakala johan dimenangi oleh Pasukan UiTM B dengan membawa pulang wang tunai RM 800.00 beserta medal, Naib Johan dimenangi oleh Pasukan UiTM D dengan membawa pulang wang tunai RM 500.00 beserta medal manakala di tempat ketiga dimenangi oleh pasukan UiTM C dengan membawa pulang wang tunai RM 300.00 beserta medal dan UiTM A menduduki tempat keempat turut menerima wang tunai RM 150.00 beserta medal kejohanan.



Sementara itu, bagi kategori lelaki, UiTM 2 dinobatkan sebagai juara sekaligus memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM 800.00 beserta medal mengalahkan UiTM 1 sebagai naib juara dengan membawa wang tunai berjumlah RM 500.00 beserta medal. Pasukan MIG 3 iaitu atlet pelapis Pahang di tempat ketiga dengan wang tunai RM 300.00 beserta medal manakala PDRM 3 dari Bukit Aman di kedudukan keempat menerima wang tunai RM 150.00 beserta medal kejohanan.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, penganjuran sulung ini merupakan platform kepada atlet UMP untuk mengasah bakat sekaligus meningkatkan prestasi semasa serta dapat mengeratkan hubungan baik dengan komuniti menerusi acara sukan yang dipertandingkan.

"Walaupun gagal untuk memenangi sebarang hadiah, pengalaman bertanding dengan beberapa pemain negara dan pemain terbaik di Pahang ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi pasukan UMP yang akan menyertai Kejohanan MASUM di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada bulan Julai 2017 nanti," katanya.

Sementara itu, Abd. Rahman berkata, dalam majlis ini juga mencatat sejarah apabila diadakan acara perasmian "Gelanggang Petanque UMP Pekan" yang menjadi tempat kejohanan sulung berlangsungnya acara sukan ini.

Katanya, Gelanggang Petanque ini telah dibina bermula April 2014 merangkumi sebanyak lapan gelanggang, kemudian ianya telah dinaik taraf kepada 12 gelanggang pada 24 Ogos 2016. Beliau berharap kejohanan seperti ini dapat diadakan pada setiap tahun dan dimanfaatkan sebaiknya prestasi sukan petanque UMP ke tahap yang lebih cemerlang.

Tambah beliau, sambutan yang diterima amat menggalakkan apabila menerima penyertaan bukan sahaja dari negeri Pahang malahan dari Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Penganjuran ini juga dapat memperkenalkan UMP sebagai pusat pembangunan sukan universiti sekaligus melaksanakan aktiviti di bawah inisiatif Edu Tourism di UMP Pekan. Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Pegawai Belia & Sukan Kanan, Mohd Aznor Izamin Ismail diiringi Ketua Unit Sukan Sektor Pekan universiti ini, Nur Adam Maximillian.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 22-03-2017, 15:09:12